



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA

(Bagi Minggu 47/2016 dari 20 November hingga 26 November 2016)

Pada minggu ke-47 tahun 2016, iaitu dari 20 November hingga 26 November 2016, sebanyak 1,257 kes telah dilaporkan berbanding 1,201 kes pada minggu sebelumnya iaitu peningkatan sebanyak 56 kes (4.7%). Berdasarkan pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari Januari hingga 26 November 2016, jumlah kumulatif kes Demam Denggi adalah 94,337 kes iaitu penurunan sebanyak 13.6% (14,829 kes) berbanding tempoh yang sama tahun 2015 yang telah melaporkan sebanyak 109,166 kes. Walau bagaimanapun, terdapat lapan (8) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Sarawak, Kedah dan Sabah.

Terdapat enam (6) kematian yang dilaporkan pada minggu ke-47 dan ini membuatkan jumlah kumulatif kematian Denggi di Malaysia dari Januari sehingga 26 November 2016 adalah sebanyak 220 kematian berbanding 296 kematian pada tahun 2015 iaitu pengurangan sebanyak 25.7%.

Lokaliti wabak dan hotspot juga menunjukkan pengurangan pada minggu ke-47 berbanding minggu sebelumnya iaitu 374 lokaliti wabak dan 37 lokaliti hotspot. Lokaliti hotspot adalah di Selangor (33 lokaliti), Perak (2 lokaliti) dan masing-masing satu (1 lokaliti) di WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan Johor.

Pergerakan orang ramai secara meluas semasa cuti sekolah boleh menyebabkan jangkitan Demam Denggi lebih cepat merebak jika terdapat

nyamuk Aedes di persekitaran mereka. Sehubungan itu, KKM menasihatkan masyarakat untuk melakukan aktiviti pencegahan seperti berikut;

- i. Memastikan tiada bekas atau tempat-tempat yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk Aedes di kawasan kediaman masing-masing semasa pulang bercuti.
- ii. Memasukkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam takungan air kekal terutama apabila tidak menggunakannya lebih dari tempoh seminggu.
- iii. Menggunakan semburan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa yang berada di dalam rumah.
- iv. Menggunakan bahan penghalau nyamuk (repelen) kepada bahagian badan yang terdedah untuk gigitan nyamuk, terutama pada waktu nyamuk aktif menggigit (5–7 pagi dan 5–7 petang).
- v. Sekiranya ada di kalangan masyarakat yang mengalami gejala Demam Denggi dan Zika dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital yang berhampiran.

Mengenai situasi Zika, berdasarkan laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 24 November 2016, terdapat sebanyak 75 buah negara yang melaporkan jangkitan Zika. Di Malaysia pula, bilangan kes masih kekal tujuh (7) kes disahkan positif Zika yang telah dilaporkan dari 1 September 2016 sehingga 28 November 2016. Pemantauan surveilan makmal oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari bulan Jun 2015 sehingga 26 November 2016, turut mendapati keputusan ujian yang negatif bagi 1,589 sampel darah dan air kencing yang telah diuji daripada pesakit yang menunjukkan gejala virus Zika. **Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.**

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
3 Disember 2016

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 47/2016
(20 hingga 26 November 2016)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 47/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 47/2015	
		Minggu 47 (20 Nov – 26 Nov 2016)		Minggu 46 (13 Nov – 19 Nov 2016)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	2	12	0	176	3	220	1
2	Kedah	28	0	26	1	910	3	878	14
3	P. Pinang	21	0	22	0	2,400	12	5,112	16
4	Perak	78	0	60	0	3,404	10	8,803	24
5	Selangor	539	2	512	0	48,308	73	57,452	115
6	WP KL & Putrajaya	93	1	118	0	8,044	19	7,578	34
7	N. Sembilan	53	0	29	0	2,571	24	2,150	13
8	Melaka	37	0	33	0	2,097	7	2,125	6
9	Johor	86	1	89	0	10,140	22	14,181	40
10	Pahang	81	0	50	0	2,745	9	2,609	13
11	Terengganu	18	0	19	0	1,953	19	1,167	3
12	Kelantan	119	0	133	1	5,654	10	2,596	7
13	Sarawak	44	0	40	0	2,550	7	1,811	3
14	Sabah	60	0	58	0	3,372	2	2,482	7
15	WP Labuan	0	0	0	0	13	0	2	0
	MALAYSIA	1,257	6	1,201	2	94,337	220	109,166	296

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 26 NOVEMBER 2016 (Mg 47)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 7 - Rumah Kedai)	73	153
2	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	90	135
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 - 37)	36	116
4	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	37	107
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 Teres B (Jln U2/2- U2/13)	32	97
6	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang Apt)	34	97
7	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	25	74
8	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/8,4/8a-4/8e,4/7,4/7a Tasik Tambahan	12	66
9	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	24	64
10	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 8/1-15 Seksyen 8 Bandar Baru Bangi	49	62
11	SELANGOR	Gombak	Appt Berembang Indah	20	57
12	SELANGOR	Gombak	Kepong Ulu	19	52
13	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Kenari Court Pandan Indah	5	50
14	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 3 Sri Manja Court (Jln Pjs 3/44)	16	47
15	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Pangsapuri Alam Prima)	24	46
16	PERAK	Kinta	Seri Bougainvilla	20	44
17	JOHOR	Johor Bharu	Kg Pasir	21	44
18	SELANGOR	Gombak	Condo Laksamana Puri	14	43
19	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres L : Jln 7/101 - 7/103)	7	43

20	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sutera Emas Sungai Chua	11	42
21	SELANGOR	Petaling	Ss 15/5 (Teres)	16	40
22	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 16 Taman Cheras Jaya	9	39
23	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak	5	38
24	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1-8 Taman Desa Mewah	8	37
25	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan St 12-20 Taman Sri Tanjung	10	36
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Teres B : Jln 24/8 - 24/12)	7	35
27	SELANGOR	Petaling	Bdr Putra Permai (Jln Bpp 4)	8	34
28	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (F)	15	32
29	SELANGOR	Petaling	Du Ss 25 (2)	7	32
30	SELANGOR	Petaling	Tmn Pinggiran Putra (Putra Permai Selesa Appt)	8	32
31	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 20-28 Taman Saga	8	31
32	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Cuepacs Batu 12	5	31
33	SELANGOR	Klang	B.S.S Pangsapuri Pkns Blok 7-14	11	31
34	SELANGOR	Petaling	Seksyen 22 (Apt Alam Sanjung)	11	31
35	SELANGOR	Sepang	Taman Ixora	5	31
36	SELANGOR	Klang	Tmn Meru 1 (Jln Meranti)	8	31
37	PERAK	Kinta	K/B Pasir Pinji	6	31